

20 MAY 1999

PERSIDANGAN DEWAN NEGARA DITAMBAH DUA HARI LAGI

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) --Persidangan Dewan Negara yang dijadualkan berakhir hari ini ditambah dua hari lagi, iaitu pada Isnin dan Selasa (24 & 25 Mei) ini, bagi membolehkan anggota-anggota dewan membahaskan semua Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamed Ya'acob berkata beliau mendapat perutusan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan bahawa kerajaan memerlukan tambahan dua hari untuk tujuan itu.

"Saya mendapat perutusan dari Perdana Menteri yang berbunyi; Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan memerlukan supaya mesyuarat Dewan Negara yang sedang berjalan ditambah dua hari lagi iaitu pada Isnin, 24 Mei 1999 dan Selasa, 25 Mei 1999 untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Negara membahaskan pembentangan Rang Undang-undang," katanya.

Beliau kemudiannya meluluskan permohonan itu.

Sebanyak 17 Rang Undang-undang disenaraikan untuk dibentang dan dibahaskan pada persidangan kali ini.

--BERNAMA

APG RI